

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membentangkan kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji hasil daripada kajian yang dijalankan yang merangkumi komponen dalam keberkesanan pengurusan logistik yang merangkumi pengurusan permohonan, memenuhi skala/pesanan, pengurusan inventori, pengurusan pelupusan dan pengurusan dokumen. Secara dasarnya kajian ini menyelidiki akan keberkesanan pengurusan logistik di pasukan . Dalam menentukan keberkesanan, pengkaji mengkhususkan akan aspek pengurusan logistik merangkumi pengurusan permohonan, memenuhi skala/pesanan, inventori, pelupusan dan dokumentasi yang dilaksanakan. Pada akhir bab ini juga, beberapa cadangan dikemukakan berpandukan kepada hasil atau dapatan kajian dan rumusan untuk kajian-kajian seterusnya pada masa-masa akan datang.

#### **5.2 LIMITASI PENYELIDIKAN**

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis menghadapi kesukaran mendapatkan sumber yang berkaitan dalam kajian ini di mana sumber yang ada amatlah

terhad bilangannya. Kekurangan sumber adalah disebabkan kerana tiada kajian seumpama ini dibuat dan dibukukan sebagai rujukan.

Oleh kerana kekurangan hasil kajian yang dilakukan maka kekangan kajian literatur akan dihadapi oleh penulis. Justeru daripada itu, penulis telah membuat kajian ke atas kajian literatur yang melibatkan pengurusan logistik dalam dunia perniagaan korporat. Rujukan yang diperoleh juga adalah dari arahan semasa dan laporan pemeriksaan oleh Jabatan dalam Tentera Darat. Penulis juga telah mendapatkan bahan rujukan tambahan atau maklumat yang berkaitan melalui internet. Selain daripada itu, kekangan masa yang diperuntukkan juga merupakan satu limitasi dalam melaksanakan kajian ini. Ini adalah kerana penulis mempunyai jadual pembelajaran utama yang lain.

### **5.3 PENEMUAN KESIMPULAN**

Hasil kajian didapati beberapa penemuan telah dikenalpasti dalam aspek pengurusan logistik di batalion Infantri. Penemuan ini adalah berdasarkan kepada maklumbalas daripada responden mengenai keberkesanan pengurusan logistik yang telah dipraktiskan di pasukan. Penemuan-penemuan tersebut adalah seperti berikut:

### **5.3.1 PENEMUAN PERTAMA**

Kajian ini mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam pengurusan permohonan peralatan di pasukan. Ini dapat dilihat dengan dengan keputusan ujian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengurusan permohonan dengan keberkesanan pengurusan logistik ( $r = 0.986$ ). Implikasinya terhadap pasukan ialah segala peralatan yang dimohon akan diterima lambat atau tidak mengikut keperluan masa yang telah ditetapkan. Apabila keperluan yang dimohon tidak mengikut masa ianya akan memberikan kesan kepada tugas dan aktiviti yang hendak dilaksanakan seperti tugas operasi dan latihan yang memerlukan peralatan seperti kasut dan pakaian pada masa tersebut .

### **5.3.2 PENEMUAN KEDUA**

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam pengurusan memenuhi pesanan/skala peralatan di pasukan. Ini dapat dilihat dengan dengan keputusan ujian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengurusan memenuhi pesanan/skala dengan keberkesanan pengurusan logistik ( $r = 0.965$ ). Implikasinya terhadap pasukan ialah pasukan tidak dapat melaksanakan tugas kerana peralatan yang dipegang tidak memenuhi keperluan anggota seperti kasut dan pakaian dimana ianya hanya dapat

menampung sebahagian anggota sahaja . Ini mengakibatkan pasukan tidak dapat mengatugerakkan anggota sepenuhnya terhadap sesuatu tugas kerana peralatan tidak mencukupi.

### **5.3.3 PENEMUAN KETIGA**

Kajian juga mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam pengurusan inventori peralatan di pasukan. Ini dapat dilihat dengan dengan keputusan ujian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengurusan inventori dengan keberkesanan pengurusan logistik (  $r = 0.766$ ). Implikasinya kepada pasukan adalah apabila peralatan yang ada di stor tidak dibuat urusan yang betul seperti merekod keluar/masuk peralatan ianya akan menjejaskan pengiraan sebenar peralatan tersebut. Apabila ini berlaku, pasukan tidak dapat membuat permohonan yang sepatutnya mengikut keperluan kerana kuantiti tidak tepat.

### **5.3.4 PENEMUAN KEEMPAT**

Kajian ini mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam pengurusan pelupusan peralatan di pasukan. Ini dapat dilihat dengan dengan keputusan ujian menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengurusan pelupusan dengan keberkesanan pengurusan logistik (  $r = 0.613$ ). Implikasinya pasukan tidak dapat penggantian peralatan yang baru atau yang boleh digunakan.

Peralatan yang baru dan boleh digunakan amat penting bagi sesuatu tugas yang perlu dilaksanakan kerana ianya lebih tahan lama dan lasak jika dibandingkan dengan peralatan yang telah lusuh dan usang. Ianya juga akan memberikan moral kepada anggota dan sekaligus memberikan kesan yang baik terhadap tugas yang dilaksanakan.

### **5.3.5 PENEMUAN KELIMA**

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam proses pengurusan dokumen peralatan di pasukan. Ini dapat dilihat dengan dengan keputusan ujian menunjukkan hubungan yang signifikan antara proses pengurusan dokumen dengan keberkesanan pengurusan logistik ( $r = 0.962$ ). Implikasinya adalah apabila pengurusan dokumen tidak memenuhi keperluan seperti tidak mengikut arahan dan polisi yang betul maka akan melambatkan proses permohonan, pesanan skala, pelupusan dan inventori. Ini akan menjejaskan keperluan terhadap pasukan tersebut kerana dokumentasi yang dibuat tidak betul dan tidak mematuhi peraturan semasa.

### **5.3.6 PENEMUAN KEENAM**

Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat kaitan antara faktor-faktor yang melibatkan status responden iaitu kahwin dan bujang. Ini dapat dibuktikan

dengan ujian t, menunjukkan tiada signifikan terhadap keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Begitu juga dengan faktor-faktor yang lain iaitu mengikut pangkat, lama perkhidmatan, pendapatan dan kelulusan akademik adalah tidak terdapat kaitan dengan pengurusan logistik. Ini dapat dibuktikan dengan ujian ANOVA yang telah dibuat dimana tiada signifikan dengan keberkesanan pengurusan logistik.

#### **5.4 CADANGAN**

Penemuan dan keputusan kajian ini tidak boleh dianggap mutlak kerana ianya hanya melibatkan sebahagian daripada komponen pengurusan logistik dan terdapat pelbagai komponen yang dapat mengenal pasti akan keberkesanan pengurusan logistik di pasukan. Ini adalah kerana, untuk melihat perhubungan dan pengaruh yang berbagai, maka lebih banyak pembolehubah yang bersesuaian perlu dimasukkan untuk mendapatkan hasil yang lebih baik.

Kajian ini adalah penting dalam membantu pengkaji untuk memeriksa faktor-faktor dalam komponen pengurusan logistik serta faktor-faktor lain yang difikirkan relevan yang menjadi penentu akan keberkesanan pengurusan logistik dan ditokok dengan kekurangan kajian dalam bidang ini. Kajian ini dapat membuka laluan kepada pengkaji-pengkaji seterusnya untuk menerokai isu ini dalam aspek yang berlainan dengan lebih mendalam bersama pembolehubah yang berkaitan, yang dijangka mempunyai perkaitan atau

pengaruh terhadap keberkesanan pengurusan logistik. Sebagai contohnya, pemerintah, faktor ekonomi atau pun peruntukan perbelanjaan dan lain-lain lagi.

Justeru itu, berdasarkan kepada hasil penemuan kajian ini, cadangan yang dapat dikemukakan adalah seperti berikut :

#### **5.4.1 PENEMUAN PERTAMA**

- Untuk meningkatkan pengurusan logistik yang efisien, satu tim pengukuran hendaklah diwujudkan dalam pasukan tersebut. Pihak pengurusan di semua jabatan hendaklah dilibatkan secara langsung dalam perancangan dan perbincangan mengenai matlamat dan pengurusan logistik. Ini adalah untuk menentukan setiap permohonan dibuat mengikut jadual, keperluan sebenar dan disemak dengan teliti oleh tim tersebut.
- Mesyuarat logistik hendaklah diadakan setiap bulan dan hendaklah direkodkan setiap perbincangan yang telah dibuat. Ini adalah untuk memastikan setiap permohonan dapat dibuat pemantauan bagi memastikan keperluan peralatan dapat dipenuhi mengikut masa yang sepatutnya. Sekiranya terdapat kelambatan maka gesaan dapat dibuat mengikut saluran yang ditetapkan.

#### **5.4.2 PENEMUAN KEDUA**

- Pasukan juga adalah disarankan agar menambahbaikkan skala peralatan agar sesuai dengan tugas dan peranan dewasa ini. Pasukan disarankan agar membuat semakan dan menetapkan agar perubahan pada skala peralatan dibuat mengikut jangkamasa tertentu seperti setiap 5 tahun sekali.
- Segala peralatan yang lama dan tidak laris hendaklah dikeluarkan dari senarai jadual hak dan pegangan peralatan. Pasukan hendaklah menetapkan jangkamasa bagi penggunaan peralatan tersebut, sekiranya masih tidak digunakan dalam jangkamasa seperti 2 tahun, maka hendaklah disenaraikan keluar dari pegangan. Ini adalah kerana, segala peralatan yang tidak laris ini jika disimpan ianya akan menjadi beban kepada pasukan kerana terpaksa untuk menyenggarakannya tanpa memberikan manfaat kepada pasukan.

#### **5.4.3 PENEMUAN KETIGA**

- Pihak pengurusan juga hendaklah melibatkan secara aktif dengan pengurusan logistik dalam menentukan perkara tersebut mencapai tahap yang efektif dan berkesan. Penglibatan mereka bukan sahaja



mengeluarkan arahan tetapi hendaklah ditunjukkan dengan membuat pemeriksaan secara mengejut dan rambang pada stor bagi menentukan arahan tersebut dipatuhi sepenuhnya susunan peralatan dalam stor, kuantiti peralatan distor sama dengan dalam akaun, keluar/masuk peralatan direkodkan.

- Stor-stor yang ada di pasukan hendaklah diubahsuai dan dibuat mengikut kesesuaian peralatan kerana terdapat peralatan yang tidak berada di rak-rak dan disusun mengikut arahan yang telah dikeluarkan.
- Bagi memastikan peralatan yang ada sentiasa dalam keadaan terjaga ianya hendaklah berada dalam stor yang dilengkapi dengan hawa dingin seperti peralatan 'Night Vision Goggle' yang sangat sensitif dan harganya mahal.

#### **5.4.4 PENEMUAN KEEMPAT**

- Pasukan juga hendaklah sentiasa peka dan mengambil tindakan sewajarnya mengenai laporan daripada pemeriksa luar terutamanya mengenai teguran peralatan yang usang dan tidak boleh digunakan. Ini adalah penting untuk memastikan tindakan diambil segera dan jangan bertanggung bagi menentukan proses pelupusan dibuat.

- Semasa proses pelupusan dibuat, pasukan hendaklah menentukan agar segala dokumen sokongan dapat disediakan seperti surat pengesahan penggunaan peralatan kerana tanpa dokumen sokongan ianya akan melengahkan proses pelupusan tersebut.

#### **5.4.5 PENEMUAN KELIMA**

- Latihan yang disediakan kepada anggota sekarang ini masih tidak mencukupi untuk memahirkan mereka mengenai pengurusan dokumen logistik. Latihan yang berterusan hendaklah dilaksanakan di pasukan bagi memastikan anggota lebih memahami segala prosuder mengenai logistik. Latihan seperti kursus dan seminar diadakan di peringkat dalam dan luar pasukan bagi melatih lebih ramai anggota yang benar-benar mahir mengenai pengurusan logistik. Pasukan juga boleh mengadakan sendiri seminar di peringkat pasukan untuk membina dan pencambahan fikiran ke arah pengurusan logistik.
- Sistem pengurusan secara sistematik hendaklah diwujudkan bagi memastikan pengurusan dokumentasi menjadi lebih cekap. Adalah mustahak mempunyai satu sistem komputer yang moden untuk

menyimpan rekod, memajukan keperluan melalui komputer dan lain-lain urusan logistik agar ianya menjadi lebih mudah dan cepat.

Adalah diharapkan dengan komitmen dan tindakan yang berterusan oleh pihak pengurusan dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan logistik di pasukan infantri. Keberkesanan pengurusan logistik akan memberikan kesan yang positif dalam proses untuk menyediakan anggota yang mempunyai kelengkapan sepenuhnya yang mampu untuk melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan.

## **5.5 PENUTUP**

Walaupun kajian ini mungkin mempunyai kelemahan dan tidak menyeluruh, namun ianya diharapkan sedikit sebanyak dapat dijadikan panduan dan rujukan yang berguna kepada mana-mana individu atau organisasi yang mempunyai kepentingan. Secara khususnya kepada pengkaji-pengkaji yang mempunyai minat ke atas isu-isu seumpama ini. Di samping itu, pengkaji juga mengharapkan agar kajian ini dapat diteliti dengan lebih mendalam oleh pihak-pihak yang berkaitan agar dapat disusuli dengan tindakan yang sewajarnya.